

25 JUL 1999

Lim-Toyota

TOYOTA DAN HONDA BERMINAT TUBUHKAN KEMUDAHAN LATIHAN DI SINI

SHAH ALAM, 25 Julai (Bernama) -- Malaysia telah meminta pengeluar kereta Jepun, Toyota Motor Corporation dan Honda untuk membantu mempertingkatkan kepakaran pekerja automotif tempatan, kata Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek di sini hari ini.

Beliau berkata kementerian melalui Kedutaan Malaysia di Jepun telah menghubungi kedua-dua syarikat pengeluar kereta itu dan mempelawa mereka menubuhkan kemudahan latihan di negara ini.

Langkah itu dibuat sebagai susulan kepada lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Jepun bulan lepas.

Dr Mahathir melawat ibu pejabat Toyota di Nagoya dan menyuarakan minat Malaysia untuk mengadakan kerjasama dengan Toyota.

Lim berkata bagaimanapun kementerian masih menunggu jawapan daripada syarikat yang berkaitan.

"Bagaimanapun daripada sumber yang boleh dipercayai, mereka berminat dengan cadangan itu dan kami menjangkakan mereka akan menghantar pakar ke sini untuk melihat kemudahan yang kita tawarkan," katanya.

Lim berkata Malaysia akan mendapat manfaat daripada syarikat Jepun itu, jika mereka menubuhkan kemudahan latihan di sini.

Beliau berkata Toyota dan Honda mempunyai teknologi yang setara dengan pembuat kereta lain di dunia.

--BERNAMA

MOT RI